



مجاہد ستیاوسہاکراجان فہم

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
WISMA SRI PAHANG
25503 KUANTAN

Tel : 09-5126600 (AM) / 09-5126700 (BPEN)
Faks: 09-5134742 (AM) / 09-5156327 (BPEN)
<http://www.pahang.gov.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : MY QMS 01841

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

Ruj. Kami : SUKPHG-9.100-7/8/2 (42)

Tarikh : 17 Februari 2020

Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Wilayah Pantai Timur (WPT)

Tingkat 14, Menara Zenith,

Jalan Putra Square 6, Putra Square

25200 Kuantan

PAHANG DARUL MAKMUR

Tuan,

JEMPUTAN MENYAMPAIKAN KURSUS PENGURUSAN LEAN DAN VALUE STREAM MAPPING (VSM) PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG MODUL 4

Segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pentadbiran ini akan menganjurkan Kursus Pengurusan Lean dan *Value Stream Mapping (VSM)* Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Modul 4. Matlamat penganjuran ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada jabatan di atas usaha memahami fokus Pengurusan Lean untuk kecekapan proses dalam sistem operasi pada kos yang rendah dan menghasilkan nilai tambah perkhidmatan secara berterusan di jabatan. Perkara ini juga selaras dengan KPI YB Setiausaha Kerajaan Pahang yang menetapkan **1 jabatan 1 inovasi**.

3. Penganjuran Kursus Pengurusan Lean pada siri ini adalah merupakan kesinambungan kepada Modul 3 Gemba 1 : Lawatan 1. Justeru, pentadbiran ini menjemput 4 kumpulan yang telah terpilih untuk mengikuti **Kursus Pengurusan Lean dan Value Stream Mapping Modul 4** untuk hadir ke bengkel ini. Sehubungan dengan itu, pentadbiran ini amat berbesar hati menjemput Tuan untuk menyampaikan ceramah pada ketetapan berikut:

Tarikh : 10 hingga 11 Mac 2020 (Selasa – Rabu)

**Tempat : Dewan SUK
Blok C, Wisma Sri Pahang
Kuantan**

Agenda : Rujuk LAMPIRAN A

4. Untuk makluman jua, setiap kumpulan **WAJIB** mengekalkan tajuk projek yang telah dibangunkan pada Modul 3 yang lepas, manakala keahlian adalah tertakluk kepada jabatan masing-masing samada mengekalkan keahlian sedia ada atau sebaliknya. Bersama-sama ini dilampirkan senarai tajuk projek mengikut jabatan masing-masing (**Lampiran B**) untuk tujuan rujukan.

Kesudian Tuan menerima jemputan kami ini amatlah dihargai. Semoga ilmu yang diikongisikan kelak akan memberikan manfaat kepada semua.

Sekian, terima kasih.

"Mudah, Cepat, Telus"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(NURUL AINI BINTI MOHAMMAD, AAP.)
Ketua Peholong Setiausaha Kanan (Korporat)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
☎: 09-5157445 📠: 09-515 7448 ✉: nurul.aini@pahang.gov.my

s.k :

- | | | |
|------------------------------------|---|------------------|
| i. Pegawai Khas kepada YB SUK | } | - untuk makluman |
| ii. Pembantu Khas kepada TSUK (O) | | |
| iii. Pembantu Khas kepada TSUK (P) | | |

LAMPIRAN A**ATUR CARA PROGRAM**

PROGRAM : PENGANJURAN KURSUS PENGURUSAN LEAN DAN VALUE STREAM MAPPING (VSM) PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG MODUL 4

TARIKH : 10 HINGGA 11 MAC 2020 (SELASA - RABU)

TEMPAT : DEWAN SUK, BLOK C

TARIKH	MASA	AKTIVITI PROGRAM
Hari Pertama 10.03.2020 (Selasa)	8.00 pagi - 8.30 pagi	Pendaftaran peserta dan <i>Minum pagi</i>
	8.30 ptg - 1.00 ptg	• <u>Ceramah 1</u> - Pengenalan - Pemilihan Projek - <i>Lean Method</i>
	1.00 ptg - 2.00 ptg	Rehat dan Makan Tengah Hari
	2.00 ptg – 5.00 ptg	• <u>Ceramah 2</u> - <i>Lean Metrics</i> - <i>Process Mapping / Value Stream Mapping (VSM) – Current</i>
	5.00 ptg	Minum petang
Hari Kedua 11.03.2020 (Rabu)	8.00 pg – 8.30 pg	Minum Pagi
	8.30 pg – 1.00 ptg	• <u>Ceramah 3</u> - <i>Process Mapping / Value Stream Mapping (VSM) – Ideal</i>
	1.00 ptg - 2.00 ptg	Makan tengahari
	2.00 ptg - 5.00 ptg	• <u>Ceramah 4</u> - <i>Process Mapping / Value Stream Mapping (VSM) – Future</i>
		- Persembahan Kumpulan - Penilaian dan Rumusan
	5.00 ptg	Minum Petang dan bersurai

LAMPIRAN B

SENARAI PROJEK PENGURUSAN LEAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
MENGIKUT BAHAGIAN

BIL.	BAHAGIAN	TAJUK PROJEK
1.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Menghapuskan <i>MUDA (Waste)</i> di dalam proses kenaikan pangkat
2.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Kerumitan Pengurusan Sistem Rekod
3.	Bahagian Perumahan	Memendekkan Proses Pengeluaran Geran Rumah PAKR Kepada Pembeli
4.	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri	Proses Permohonan Projek-projek Pelaburan di atas Tanah Kerajaan / PSK